

BUDAYA PEKA POLITIK: REALITI ATAU IGAUAN?



Mutakhir, pilihan raya umum ke-14 menjadi antara isu yang hangat diperkatakan dalam kalangan rakyat negara ini. Dari hari ke hari, di dada akhbar, melalui televisyen, media sosial, warung, malah di mana-mana sahaja, isu ini tidak terlepas daripada diperkatakan. Dalam tempoh yang singkat, masyarakat menjadi insan politik. Hal yang sedemikian ini mengingatkan penulis ini kepada kata Plato, iaitu *at a touch of love, everyone becomes a poet*.

Biarpun dalam konteks makalah ini isunya agak berbeza, ada persamaannya dari sisi sikap manusia apabila berhadapan dengan sesuatu isu yang mampu untuk menjentik nubari atau emosi. Manusia mudah terdorong untuk "menghadirkan diri" dalam kancah atau arena berkenaan. Lantaran itu, tidak hairanlah seandainya apabila tarikh pilihan raya umum kian hampir, munculnya banyak "penganalisis politik segera" ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

Senario seumpama ini amat lazim, bukan sahaja di negara kita, malah di negara lain di dunia. Pilihan raya umum pasti menarik minat warganya, tanpa mengira ras, profesion, usia, agama, pendirian, apatah lagi sokongan. Tidak ada warga mana-mana negara yang tidak mengambil kisah langsung tentang isu ini. Di sesetengah negara, berlaku rusuhan, bantahan, pertelingkahan, dan tunjuk perasaan dalam kalangan warganya. Secara tuntasnya, saat dan ketika inilah masyarakat umum menjadi "peka politik".

Namun demikian, sejauh manakah sikap ini mempamerkan pemahaman yang mendalam bidang politik dari sisi ilmiah dan tautannya dalam pembangunan sesebuah negara? Matangkah masyarakat negara ini dalam pelontaran pendapat dan idea dalam arena perdebatan tentang politik? Sejauh manakah emosi mempengaruhi rasional semasa berhujah tentang isu politik?

Sebelum kita baba untuk merungkaikan jawapan bagi persoalan itu, ada baiknya difahami lebih dahulu takrifan istilah politik. Mengikut *Kamus Dewan*, edisi keempat, dihuraikan tiga takrifan, iaitu ilmu pengetahuan tentang cara pemerintahan, ilmu siasah, ilmu kenegaraan; segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain; dan kelicikan, muslihat, tipu muslihat.

Merriam-Webster Dictionary pula memberikan lima takrifan, iaitu *the art or science of government; political actions; a political affair or business especially competition between competing interest groups or people for power and leadership; a political opinion or sympathies of a person; dan a total complex of relations between people living in a society*.

Daripada takrifan oleh kedua-dua buah kamus itu, dapat disimpulkan bahawa politik merupakan seni atau sains tentang cara pemerintahan atau tabdir urus sesebuah negara untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam kalangan warganya di

samping melahirkan suasana yang kondusif, selamat, aman dan harmoni. Selain itu, hal lain termasuklah menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan negara atau kuasa lain bagi pemeteraian kerjasama dalam bidang yang mampu untuk mendatangkan keuntungan dari aspek pendapatan kepada negara.

Berdasarkan takrifan itu, adakah cakap-cakap tentang politik yang meniti bibir ke bibir itu mampu untuk dijadikan sebagai aras penanda bahawa masyarakat kita memahami pengertian politik? Secara umumnya, mungkin. Namun demikian, secara mendalamnya, hal ini masih diragui.

Apabila melihat arah aliran perbualan dan perbincangan semasa, hal yang jelas lebih menjurus kepada persoalan pihak atau golongan yang harus memerintah. Hal yang sedemikian itulah persoalan pokoknya. Selebihnya natijah atau andaian daripada sumber yang diragui akan kesahihannya untuk menguatkan dan menegakkan pendirian masing-masing. Yang jelas, setiap kelompok akan mempertahankan

pendiriannya waima dengan kaedah yang difikirkan wajar untuk memastikan pandangan masing-masing ampuh menegak. Dalam konteks ini, matlamat menghalalkan cara.

KEMATANGAN POLITIK

Dalam konteks negara ini, apabila disentuh tentang kematangan politik, tidak mahu tidak, kita harus melihatnya dari dua sisi yang berbeza. Yang pertama, dari sisi usia politik negara apabila terbentuknya kerajaan sendiri yang dianggotai oleh kalangan anak watan selepas kemerdekaan dicapai, Yang kedua, kematangan pengamal politik dan masyarakat umum dalam ilmu atau bidang kenegaraan.

Sisi yang pertama sememangnya cukup mudah untuk dijawab. Namun demikian, berbeza halnya apabila kita melihat sisi yang kedua. Walaupun usia sejarah siasah negara melangkaui setengah abad, kita masih belum mampu untuk mendabik dada dan menyatakan bahawa kita telah matang dalam ilmu ketatanegaraan. Mungkin banyak orang yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Begitulah lazimnya. Manusia sukar untuk menerima kelemahan dan kesilapan yang ada dan dilakukan oleh diri sendiri. Masing-masing mahu kelihatan menonjol dan dipandang arif dalam apa-apa juga tindakan atau perbuatan.

Jika kita teliti butir perbincangan yang berlegar-legar sekitar isu kepemimpinan menjelang pilihan raya umum, kita dapat melihat pola yang membimbangkan. Alir arah isu yang dibangkitkan, sama ada dalam media massa, laman

Pemimpin masa hadapan perlu arif, berwibawa dan berwawasan tinggi.



sosial ataupun di warung, mengarah lebih kepada "kutuk dan tawan". Mungkin hal yang sedemikian ini legasi peninggalan dasar "pecah dan perintah" yang diamalkan oleh penjajah British dahulu. Isu yang sering dibangkitkan banyak menjurus kepada soal peribadi. Soal tentang dasar, pembangunan, tadbir urus dan ketatanegaraan, walaupun terkesan, akhirnya akan "tergelincir" dan melencong ke arah soal yang peribadi sifatnya.

Hal yang amat membimbangkan dan tidak kurang pula menjengkelkan ialah penggunaan perkataan yang kesat, kurang sopan, dan kurang wajar dengan tujuan untuk memburuk-burukkan dan menjatuhkan imej seseorang. Selain itu, perbuatan menabur fitnah, kafir-mengkafir, dan selar-menyelar menjadi amalan kebiasaan. Tindakan yang sedemikian ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan penyokong, pembangkang, golongan pendesak atau masyarakat umum, malah dalam kalangan ahli politik dan pemimpin. Senario seumpama ini bukan sahaja mencantingkan

imej hodoh pada citra batik politik, malah menjadi tinggalan legasi yang kurang baik kepada generasi muda yang bakal digalakkan bertanggungjawab dan harapan untuk memimpin negara.

Dalam konteks ini, memang bertepatanlah maksim Latin *homo homini lupus* yang bermaksud "seseorang ialah serigala kepada seseorang yang lain". Thomas Hobbes, filsuf Inggeris dan salah seorang pengasas falsafah politik moden dalam buku *De Cive*, menjelaskan bahawa manusia cenderung untuk berkelakuan sebaliknya bagi ahli dalam kelompok atau kumpulan lain. Sigmund Freud turut bersetuju dengan maksim ini dan dalam *Civilization and Its Discontents*, dia mengulas bahawa manusia bukan makhluk yang bersifat lembut dan suka disayangi atau dikasihi dan yang sentiasa mampu untuk mempertahankan diri sendiri jika diancam. Manusia sebaliknya makhluk yang anugerah nalurinya agresif.

Lantaran itu, bagi mereka, jiran mereka bukan sekadar pembantu atau pemuas nafsu, tetapi golongan yang mampu untuk mendatangkan ancaman, mengeksploitasi, menindas, merampas, mempersenda, menyakiti, mendera, malah mengancam nyawanya.

Pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua orang tokoh ini bertepatan dalam konteks kita melihat perilaku dan tindakan masyarakat umum dalam perdebatan isu politik. Bagi mereka yang terlibat secara langsung, khususnya, apa-apa juga tindakan dan langkah harus dilakukan untuk mencapai impian, matlamat dan misi. Dalam hal yang sedemikian ini, soal maruah, halal, atau haram dikesampingkan. Seperti yang dikatakan sebelum ini, matlamat menghalalkan cara.

PEREBUTAN KUASA

Dalam konteks negara kita, kepemimpinan dan perebutan kuasa amat berkaitan rapat apabila berbicara tentang ranah siasah. Lantaran itu, pilihan raya umumlah arena terbaik untuk berkuasa dan membentuk kerajaan, dan seterusnya memerintah dan mentadbir urus negara. Dalam sistem demokrasi, pemilihan ketua kerajaan dilakukan melalui kaedah membuang undi. Calon dipilih daripada kalangan ahli parti yang sedang berkuasa dan ahli parti yang "memasang niat" untuk berkuasa. Adil dan saksama andai dilihat dari aspek teorinya. Namun demikian, dari segi amalan, dalam mana-mana bentuk pemilihan dan pengundian yang dilaksanakan di mana-mana juga negara dunia, aspek ketelusan, keadilan,



Margaret Thatcher.

Foto: <https://en.wikipedia.org>

dan kesaksamaan masih menghadirkan pertanyaan yang tiada jawapan pasti. Hal yang primer ialah kuasa berada dalam tangan.

Margaret Thatcher, mantan Perdana Menteri Britain yang terkenal dengan jolokan *the iron lady*, pernah mengatakan bahawa *being in power is like being a lady. If you have to tell people you are, you aren't*. Amat mendalam maksud katanya itu jika kita taakulinya secara mendalam. Namun begitu, secara tuntasnya, inti pati yang tersirat dalam bahasa halusnya ialah "cakap tidak serupa bikin". Tidak perlu dihuraikan secara panjang lebar akan perkara ini. Tepuk dada tanyalah hati.

Peredaran zaman menyaksikan kuasa sebagai elemen utama untuk mencapai apa-apa juga yang diimpikan, tidak kira sama ada yang baik ataupun sebaliknya, dan melalui apa-apa juga kaedah. Hal yang sedemikian inilah yang menconteng kemulukan dan kemurnian bidang politik.

Mengambil banyak pihak yang mengandaikan bahawa politik itu "kotor" dan penuh dengan tipu muslihat dan kelicikan, seperti satu daripada takrifan dalam *Kamus Dewan*.

Namun demikian, andai politik diamalkan dan dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keagamaan (tanpa mengira apa-apa juga agama di dunia), pasti politik mampu untuk menjadi satu daripada bidang ilmu yang dapat "menghidupkan" sifat keinsanan dalam nubari pemimpin, pengikut, penyokong, pendesak, pembangkang, malah masyarakat umum sekalipun.

Dari kaca mata agama, siasah ialah tatapengacaraan kehidupan manusia menuju kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat dengan meletakkan kuasa yang terletak pada Tuhan. Mereka yang dipilih dan dilantik ialah pemegang amanah yang harus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan adil dan saksama.

Persoalannya, mampukah hal yang sedemikian itu terzhahir atau sekadar igauan yang bakal menggugat lena tidur? Tidak perlu untuk kita jawab "tunggu dan lihat" kerana sikap yang sedemikian inilah yang terbentuk apabila kemualan, kejelikan dan kehampaan mula membentuk dalam nubari. Walau apa-apa pun yang diperkatakan, hal ini umpama lontaran kata pada dinding kaku dan bisu yang dibina sebagai penampakan dan pelindung.

Oleh itu, usaha untuk mewujudkan masyarakat yang peka, arif, dan berwibawa dalam bidang siasah bukanlah perkara yang mudah. Politik ialah ilmu yang sering dikaitkan

dengan kuasa dan kekuasaan ibarat api yang, jika kita tidak tahu untuk mengawalinya, akan membawa padah. Bak kata pepatah Inggeris, *power corrupts, and absolute power corrupts absolutely*. Dalam negara yang majmuk sifatnya, kesefahaman, keharmonian, kesepaduan, serta keamanan perlu dititikberatkan bagi menjamin tadbir urus negara yang berkesan dan efisien. Hubungan antara "yang memimpin" dengan "yang dipimpin" perlu dijalinan dan diperkukuh. Keadilan sosial tanpa mengira bangsa, agama, budaya, fahaman dan sokongan harus diterapkan.

Penyisihan dan peminggiran mana-mana juga golongan hanya akan menerbitkan tindak balas yang negatif sifatnya, dan tanpa kawalan, akan menular sebagai virus yang mampu untuk melumpuhkan, malah menjatuhkan kerajaan dan menyepak ketamadunan. Lantaran itu, kekeapan dan kearifan dalam berpolitik perlu diterapkan dalam nubari setiap warga. Biar tahu, jangan keliru yang akhirnya menghadirkan kedu. Kita tidak mahu rakyat negara ini seperti yang digambarkan oleh Hobbes dan Freud lewat maksim *homo homini lupus*. Biarlah mereka yang memimpin dan berkuasa menjadi sari teladan kepada golongan mereka yang dipimpin, terutama sekali generasi muda yang bakal menjadi pemimpin pada masa yang akan hadapan. Biarlah lahir golongan pemimpin yang arif, berkaliber, dan berwawasan tinggi yang meletakkan nilai keagamaan dan kemanusiaan sebagai landasan primer menuju destinasi yang diimpi-impikan oleh nenek moyang mereka.

Thomas Hobbes (kiri) dan Sigmund Freud.




Foto: <https://en.wikipedia.org>